

# TINJAUAN KESILAPAN FONOLOGI PENUTUR NATIF BAHASA IBAN DALAM PENGUASAAN BAHASA MELAYU STANDARD

*Norzahwarthy Haji Kadir*

## Abstrak

Penyelidikan ini memfokuskan kesilapan fonologi penutur natif bahasa Iban dalam proses menguasai bahasa Melayu standard. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti fonem-fonem bahasa Melayu standard yang tidak dapat dikuasai oleh penutur natif bahasa Iban berdasarkan data yang dikutip daripada 20 orang murid sekolah rendah di daerah Tutong, Negara Brunei Darussalam. Data ini berdasarkan korpus 84 patah perkataan terpilih yang mewakili 31 fonem bahasa Melayu standard. Dapatkan menyerlahkan bahawa ada 15 fonem, iaitu 12 konsonan dan 3 vokal bahasa Melayu standard yang tidak dapat disebut dengan baik oleh murid-murid penutur natif bahasa Iban di sekolah-sekolah tersebut. Kepayahan penyebutan berlaku sebagai akibat ketidakhadiran fonem-fonem yang berkenaan dalam sistem fonologi bahasa Iban. Dapatkan menunjukkan ciri pemindahan secara langsung sistem fonologi bahasa Iban ke dalam sistem fonologi bahasa Melayu standard.

## Abstract

*This research focuses on the phonological errors of native speakers of Iban language in the process of mastering standard Malay. It aims at identifying the standard Malay phonemes that cannot be mastered by native speakers of Iban language, based on data collected from 20 pupils of two primary schools in the Tutong district in Negara Brunei Darussalam. The data is based on a corpus of 84 selected words which represent the 31 standard Malay phonemes. The finding shows that there are 15 phonemes of standard Malay that cannot be pronounced properly by the Iban speaking pupils in the school, i.e 12 consonants and 3 vowels. Pronunciation difficulty occurs as the result of the ab-*

*sence of these phonemes in the Iban language phonological system. The finding shows direct transfer of the Iban phonological system into the standard Malay phonological system.*

## PENDAHULUAN

Berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa, salah satu aspek yang diketengahkan pengkaji-pengkaji ialah fenomena pemindahan bahasa pertama (B1) ke dalam pembelajaran bahasa kedua (B2). Fenomena ini berkaitan dengan kecenderungan pelajar B2 membawa atau memindahkan peraturan-peraturan sistem bunyi, tatabahasa dan leksiko-semantik bahasa ibunda ke dalam B2 yang dipelajari. Pemindahan yang bersifat negatif menyumbang kepada kesilapan bahasa.

Bagi Norrish (1983), kesilapan bahasa itu ialah penyimpangan yang sistematik apabila pelajar tidak mempelajari sesuatu, dan secara tekal melakukan kesilapan bahasa Dulay *et al.* (1982) pula menyatakan bahawa kesilapan bahasa merupakan aspek yang mempunyai kecacatan pada pertuturan atau tulisan yang menyimpang daripada peraturan bahasa yang baku.

Menurut Corder (1974), kesilapan bahasa merujuk kepada faktor kecekapan yang berkaitan pula dengan faktor penampilan. Keadaan ini berlaku ketika pengguna bahasa yang menggunakan bahasa ber kemungkinan terlupa lantas melakukan kesilapan. Walau bagaimanapun, kesilapan ini bersifat sementara dan akan segera dibaiki atau dibetulkan apabila pengguna menyedari kesilapan tersebut. Tegasnya, pengguna bahasa mengetahui sistem bahasa yang sedang digunakan tetapi oleh sebab sesuatu hal, seperti gangguan, mereka melakukan kesilapan bahasa.

Fenomena pemindahan B1 ke dalam pembelajaran B2 selalunya berlaku dalam kalangan pelajar penutur bukan natif dalam proses pembelajaran B2. Kesilapan ini akan berlaku apabila pelajar itu belum mampu menguasai seluruh sistem B2 yang dipelajarinya. Kesilapan juga berlaku kerana terdapat banyak peraturan yang ada pada sesuatu bahasa, baik yang formal maupun yang tidak formal (Corder, 1973). Kesilapan bahasa bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar penutur bukan natif dalam proses pembelajaran B2, bahkan juga berlaku dalam kalangan penutur natif sendiri semasa memperoleh bahasa ibunda mereka. Kenyataan ini terangkum dalam kenyataan yang pernah disentuh oleh Corder (1973:256), apabila beliau menyatakan bahawa:

... semua pelajar melakukan kesilapan. Ini tidak terbatas kepada pelajar

bahasa. Kita semua melakukan kesilapan apabila bertutur dalam bahasa ibunda kita."

(Corder, 1973:256)

Kajian Politzer dan Ramirez, Alias Shamsudin, Chen, Wyatt, Yap, dan Bebout seperti yang telah dirumuskan oleh Azman Wan Chik (1982) menegaskan bahawa kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar B2 berpunca daripada gangguan bahasa ibunda atau dialek bahasa pertuturan harian, bahasa daerah, bahasa lisan, dan bahasa pasar. Hal ini berlaku kerana tiadanya struktur atau bentuk yang serupa dalam B1 dengan bahasa yang dipelajari hingga mengakibatkan analogi atau generalisasi yang salah. Gangguan seperti ini dapat juga menyebabkan berlakunya pemindahan pembelajaran yang negatif.

Fenomena pemindahan B1 ke dalam pembelajaran B2, terutama sekali pemindahan yang bersifat negatif menjadi isu kajian kalangan penyelidik linguistik terapan atau lebih tepatnya, penganalisis kesilapan bahasa. Kajian yang dijalankan oleh Suthanthiradevi (2001), misalnya mendapati bahawa pelajar-pelajar India yang dikajinya mengalami kesulitan dalam membina struktur ayat bahasa Melayu (BM), khususnya yang berkaitan dengan Hukum DM (Diterangkan-Menerangkan) yang terpakai pada frasa nama BM. Ini diakibatkan oleh kelainan atau perbezaan struktur ayat bahasa Tamil dengan struktur BM. Binaan ayat biasa (Subjek + Predikat) BM mengutamakan frasa nama pada awal ayat. Manakala binaan ayat bahasa Tamil lebih mementingkan struktur Predikat + Subjek dengan kedudukan frasa nama berada di tengah atau di akhir ayat. Dapatkan juga menunjukkan berlakunya proses penggantian, penambahan dan penghilangan fonem-fonem BM sebagai akibat daripada perbezaan yang terdapat dalam struktur bahasa Tamil dengan struktur BM. Situasi perbezaan ini telah mempengaruhi proses pembelajaran BM mereka.

Sebelum itu, Narayanan (1993) juga mengkaji penulisan karangan pelajar Tamil. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mengalami kesulitan untuk membina ayat-ayat yang gramatis. Beliau menegaskan bahawa pada keseluruhannya, kesilapan yang dilakukan mereka memperlihatkan dua pola secara ketara. Pertama, pola yang dipengaruhi bahasa Tamil; dan kedua, pola yang dipengaruhi BM kolokial. Kedua-dua pengaruh ini berleluasa dalam setiap aspek yang ditinjau dan hakikat ini mendorong beliau untuk membuat kesimpulan bahawa pelajar-pelajar kurang menguasai kemahiran berbahasa, terutamanya kemahiran penulisan menerusi pengajaran formal di sekolah.

Di Negara Brunei Darussalam, Sadiah (2000) mengkaji gangguan BM dalam penulisan karangan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar *N Level*. Didapati sampel yang dikajinya melakukan kesilapan tatabahasa sebagai akibat daripada penggunaan strategi terjemahan yang dominan dalam proses penulisan karangan bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar memproses idea dalam BM, merancang dalam BM, dan seterusnya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Ini mengakibatkan berlakunya kesilapan. Kesilapan didapati berlaku sebagai akibat daripada ciri-ciri persamaan yang tidak dimiliki oleh bahasa Inggeris atau yang beroperasi secara yang berlainan.

Meskipun kajian-kajian di atas hanya berfokus pada kesilapan bahasa dalam aspek penulisan, konsep ini juga memberikan implikasi kepada kesilapan bahasa dalam aspek fonologi. Ini jelas dalam kajian-kajian yang telah dikendalikan oleh penyelidik-penyalidik seperti Pengiran Kahar (1987) yang telah menjalankan kajian secara khusus dalam aspek fonologi tentang pengaruh bahasa Tutong dalam pengajaran dan pembelajaran BM. Dapatkan beliau menunjukkan berlakunya penggantian fonem-fonem bahasa Tutong dalam menyebutkan bahasa Melayu standard (BMS). Masalah ini didapati berpunca daripada unsur-unsur perbezaan yang dimiliki oleh sistem fonologi antara kedua-dua bahasa.

Pengamatan yang berpandukan kajian-kajian di atas membuktikan bahawa kesilapan yang berlaku dalam pembelajaran B2 berkaitan dengan ciri-ciri perbezaan yang terdapat dalam B2 dan B1. Lado (1964) mengutarakan bahawa proses pembelajaran B2 akan menjadi lebih mudah jika ia mempunyai fitur yang agak sama dengan B1, sebaliknya ia menjadi sukar jika terdapat fitur yang berbeza. Pernyataan ini memberikan implikasi bahawa proses pemindahan yang negatif dalam pembelajaran bahasa boleh dikurangkan dengan memilih jenis B2 yang banyak mempunyai persamaan fitur dengan B1. Ini jelas terbukti apabila Catford (dlm. Farid M. Onn, 1983) tidak memilih jenis pertuturan bahasa Inggeris yang standard dan lebih formal, yang dikenal dengan nama *Received Pronunciation* ketika mengajar bahasa Inggeris lisan kepada pendatang-pendatang dari Hungary tetapi memilih bahasa Inggeris pertuturan variasi Scotland, justeru terdapat banyak persamaan fitur bunyi antara jenis bahasa Inggeris Scotland dengan bahasa Hungary. Persamaan bunyi ini terbukti lebih memudahkan proses pembelajaran bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Hungary.

Tidak dapat dinafikan bahawa salah satu tanda penting seseorang itu mencapai kecekapan berbahasa adalah apabila ia mampu mendengar dan memahami, dan bertutur dengan berkesan. Dalam komunikasi secara formal, kita memerlukan suatu bentuk atau cara sebutan yang dapat dipertahankan

dan diterima umum (Farid M. Onn, dlm. Abdul Rashid Ali, 1996:34). Pegangan seperti ini memberikan kesan kepada pelajar-pelajar penutur bukan natif BM dalam aspek sebutan BM (khususnya BMS). Sebagaimana yang diserahkan oleh Long (1990) dan Scovel (1988), kecekapan dalam fonologi B2 yang menyerupai kecekapan penutur natif agak sukar dicapai apa lagi bagi mereka yang baru mempelajari bahasa tersebut. Sehaluan dengan ini, Leather dan James (dlm. Ellis, 1996) menyatakan bahawa pelajar yang baru mempelajari B2 bukan sahaja menghadapi kesukaran dalam penyebutan B2, bahkan kesukaran juga dihadapi dalam menggunakan atau meniru aksen bahasa asing. Walau bagaimanapun, pengalaman dan latihan dalam aspek yang berkaitan dengan bentuk fonologi B2 dapat membantu bagi mencapai kefasihan dan juga penyebutan B2 yang menyerupai penutur B2.

Biarpun kecekapan berbahasa dari segi fonologi itu penting, proses pembelajaran B2 bagi pelajar-pelajar penutur bukan natif nampaknya mengalami beberapa hambatan memikirkan masalah penyebutan yang tercetus sebagai akibat daripada perbezaan yang wujud dalam sistem fonologi B1 dan B2. Namun demikian, situasi yang ditimbulkan ini sedikit banyak difikirkan dapat membantu tugas guru yang mengajar B2 sebagai bahasa sasaran. Kesilapan bukan seluruhnya tidak membantu proses pembelajaran B2 tetapi dapat berfungsi sebagai strategi penguasaan bahasa sasaran. Norrish (1983:6) menyatakan bahawa kesilapan-kesilapan berbahasa pelajar dapat dijadikan alat bantu yang positif dalam pembelajaran kerana dapat digunakan oleh pelajar mahupun pengajar dalam mencapai tujuan pembelajaran bahasa.

... beberapa alasan pedagogis yang bagus telah disarankan berkaitan dengan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bahasa asing tetapi alasan yang paling penting ialah kesilapan itu sendiri yang sebenarnya mungkin menjadi bahagian yang perlu dalam pembelajaran bahasa.

(Norrish, 1983:6)

Untuk melihat sejauh mana fenomena pemindahan B1 ke dalam pembelajaran BM sebagai B2 dalam kalangan penutur bukan natif BM berlaku, maka penyelidikan kecil ini, yang memusatkan perhatian terhadap murid-murid penutur natif bahasa Iban (B1bn), dijalankan. Namun, perhatian dan minat pengkaji hanya tertumpu pada kesilapan dalam aspek fonologi.

## **Tujuan Penyelidikan**

Penyelidikan bertujuan untuk mengetahui sejauh manakah murid-murid penutur natif B1bn yang dipilih melakukan kesilapan dalam penyebutan

perkataan-perkataan BMS. Di samping itu, penyelidikan juga bertujuan untuk mengenal pasti fonem-fonem BMS yang tidak dikuasai oleh mereka hingga membawa kepada berlakunya kesilapan sebutan.

## Batasan Penyelidikan

Melalui penyelidikan ini, pengkaji ingin melihat pemindahan BIbn ke dalam pembelajaran BMS dengan berfokuskan kesilapan fonologi. Aspek linguistik yang lain seperti tatabahasa dan leksiko-semantik tidak disentuh. Faktor-faktor di luar linguistik seperti persekitaran, intelek, umur, jantina dan latar belakang sosioekonomi sebagai variabel yang dapat mempengaruhi kesilapan sebutan BMS sampel tidak diambil kira. Penyelidikan ini tertumpu pada 20 orang murid penutur natif BIbn. Instrumen ujian menggunakan kata utuh (*whole word*) secara terpisah yang melibatkan 84 patah perkataan sahaja. Dengan kata lain, kata-kata ini tidak dihadirkan dalam konteks wacana.

## Definisi Operasional

### a. Kesilapan Sebutan

Kesilapan sebutan dimaksudkan sebagai penyebutan perkataan-perkataan bahasa Melayu yang dihasilkan dengan tidak mengikut sebutan baku. Jadi, kelainan sebutan yang dihasilkan itu dianggap sebagai kesilapan sebutan.

### b. Sebutan Baku

Sebutan baku dimaksudkan sebagai sebutan fonemik, iaitu sebut sebagaimana dieja, ejal sebagaimana disebut.

### c. Bahasa Pertama

Bahasa pertama dimaksudkan sebagai bahasa ibunda. Bagi sampel yang dikaji, bahasa pertama yang dimaksudkan ialah bahasa Iban.

### d. Bahasa Kedua

Bahasa kedua dimaksudkan sebagai bahasa sasaran yang dipelajari. Bagi sampel yang dikaji, bahasa sasaran yang dimaksudkan ialah bahasa Melayu.

**e. Bahasa Iban**

Bahasa Iban dimaksudkan sebagai bahasa yang dituturkan oleh orang-orang Iban sebagai bahasa komunikasi sesama komuniti bahasanya. Bahasa ini merujuk kepada bahasa natif atau bahasa pertama bagi sampel yang dikaji.

**f. Bahasa Melayu Standard**

Bahasa Melayu Standard dimaksudkan sebagai variasi bahasa yang telah dikodifikasi dari aspek fonologi, tatabahasa dan leksiko-semantik.

**g. Pelajar Penutur Bukan Natif Bahasa Melayu**

Pelajar bukan penutur natif bahasa Melayu dimaksudkan sebagai pelajar yang menggunakan bahasa lain selain bahasa Melayu.

**h. Pelajar Penutur Nativ Bahasa Iban**

Pelajar penutur natif bahasa Iban dimaksudkan sebagai pelajar yang menggunakan bahasa Iban sebagai bahasa ibunda atau bahasa pertama.

**i. Fonem Bahasa Melayu Standard**

Fonem bahasa Melayu standard dimaksudkan sebagai bunyi yang terdapat dalam sistem fonologi bahasa Melayu standard.

**j. Fonem Bahasa Iban**

Fonem bahasa Iban dimaksudkan sebagai bunyi-bunyi yang dimiliki oleh sistem fonologi bahasa Iban seperti yang diuraikan oleh Asmah Haji Omar (1981) dalam bukunya yang bertajuk *The Iban Language of Sarawak: A Grammatical Description*.

**k. Kesilapan Pemilihan**

Kesilapan pemilihan dimaksudkan sebagai item yang silap telah dipilih di tempat yang sepatutnya.

**l. Kesilapan Pengabaian**

Kesilapan pengabaian dimaksudkan sebagai sesetengah elemen yang sepatutnya hadir tetapi tidak dimasukkan.

## Tinjauan Literatur yang Berkaitan

Fantini (1985) mengkaji perkembangan fonologi seorang kanak-kanak dwibahasa yang telah menguasai sistem fonologi bahasa Sepanyol sebelum bahasa Inggeris. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut menyebut perkataan-perkataan bahasa Inggeris pertamanya dengan kualiti vokal bahasa Sepanyol yang ketara. Ini menunjukkan berlakunya pemin-dahan fonetik. Beliau menekankan bahawa gangguan bunyi yang berlaku merupakan proses perkembangan yang berlaku di luar kesedaran kanak-kanak tersebut. Walaupun dapatan ini amat ketara dalam penguasaan fonologi kanak-kanak, perkembangan yang sedemikian tidak semestinya sama bagi pelajar dewasa.

Di Negara Brunei Darussalam, Jasmen (1987) mengkaji pengaruh BIbn ketika menyebut perkataan BMS dalam mata pelajaran BM dengan berfokuskan murid-murid darjah enam di Sekolah Rendah Rempayoh, daerah Belait. Dapatkan menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi sampel berkaitan dengan penyebutan dua jenis fonem. Pertama, penyebutan fonem vokal /a/ yang pada posisi akhir suku kata dalam perkataan BMS. Setiap kata BMS yang menggunakan vokal /a/ pada posisi akhir kata digantikan dengan fonem vokal tengah neutral /ə/ seperti [pada] menjadi [padə] dan [səmula] menjadi [smulə]. Kedua, pengguguran fonem /h/ dalam penyebutan perkataan BMS yang memiliki fonem konsonan frikatif glotis bersuara /h/ pada posisi awal dan tengah kata, misalnya [hati] menjadi [ati] dan [bərhənti] menjadi [bərənti].

Pengiran Kahar (1987) pula mengkaji pengaruh sebutan Tutong dalam pengajaran dan pembelajaran BM di Negara Brunei Darussalam. Dapatkan menunjukkan bahawa sampel yang dikajinya mengalami beberapa masalah dalam penyebutan fonem-fonem konsonan pinjaman seperti frikatif dental tak bersuara /θ/, frikatif labio-dental tak bersuara /f/, frikatif labio-dental bersuara /v/, frikatif alveolar bersuara /z/, frikatif dental bersuara /ð/, frikatif palatal tak bersuara /ʃ/ dan frikatif velar tak bersuara /χ/. Di samping itu, terdapat juga masalah dalam penyebutan fonem-fonem konsonan lain seperti frikatif glotis bersuara /h/ dan tril alveolar bersuara /r/; fonem vokal belakang separuh tinggi /o/; dan diftong /oi/. Masalah sebutan ini didapati telah membawa kepada penggantian satu fonem dengan satu fonem yang lain yang hampir serupa kecuali fonem konsonan frikatif glotis bersuara /h/ yang sering digugurkan. Masalah ini berlaku disebabkan ketidakhadiran fonem-fonem tersebut dalam sistem fonologi bahasa Tutong.

Dayangku Jauyah (1987) mengkaji pengaruh dialek Melayu Brunei

dalam pengajaran dan pembelajaran BMS dalam kalangan murid dwibahasa tahun enam dengan memfokuskan aspek bacaan. Dapatkan menunjukkan bahawa berlakunya penggantian satu fonem dengan satu fonem yang lain. Fonem konsonan frikitif labio-dental tak bersuara /f/ digantikan dengan plosif bilabial tak bersuara /p/, misalnya kata “fikir” disebut [pikir] dan fonem vokal tengah neutral /ə/ digantikan dengan vokal depan rendah /a/ atau vokal depan tinggi /i/, misalnya kata “betis” disebut [batis] dan kata “pegang” disebut [pigaj]. Berlaku juga pengguguran fonem konsonan frikitif glotis bersuara /h/, misalnya kata “hantu” disebut [antu]. Masalah sebutan ini disebabkan gangguan dialek sampel.

Tinjauan yang dilakukan ini jelas memperlihatkan pemindahan atau pengaruh sistem dalam B1 terhadap B2 memang terjadi.

## Metodologi Kajian

Untuk mengendalikan penyelidikan ini, 20 orang murid penutur natif BIbn dari dua buah sekolah rendah di daerah Tutong telah dipilih sebagai sampel. Kesemua sampel ini terdiri daripada murid etnik Iban yang berumur dalam lingkungan lapan hingga 11 tahun. Pemilihan sampel ini dibuat berdasarkan penggunaan BIbn sebagai bahasa natif, iaitu bahasa komunikasi sosial sesama mereka. Murid etnik Iban yang menggunakan bahasa atau dialek lain sebagai bahasa ibunda atau bahasa alternatif tidak dilibatkan dalam penyelidikan ini.

Penyelidikan dikendalikan melalui ujian sebutan. Dalam ujian sebutan ini, sampel diarahkan menyebut tiap-tiap perkataan BMS yang disediakan. Ujian sebutan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti fonem-fonem yang tidak dikuasai penyebutannya. Bagi mengutip data penyelidikan, semua sebutan bagi semua perkataan dirakamkan. Senarai perkataan yang digunakan terdiri daripada 84 patah perkataan utuh yang terpilih. Perkataan-perkataan ini mewakili 31 jenis fonem BMS (lihat Lampiran A).

## Dapatkan Kajian

**Jadual 1** Kekerapan dan peratusan kesilapan sebutan.

Bil.	Variabel	Kekerapan	Peratus
K 1	tab	18	90.0
K 2	terhad	16	80.0
K 3	beg	18	90.0

**sambungan Jadual 1**

<b>Bil.</b>	<b>Variabel</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
K 4	mac	11	55.0
K 5	mesej	13	65.0
K 6	hantu	14	70.0
K 7	beritahu	14	70.0
K 8	faktor	16	80.0
K 9	hafal	16	80.0
K 10	takrif	16	80.0
K 11	televisyen	17	85.0
K 12	video	17	85.0
K 13	zaman	15	75.0
K 14	azam	15	75.0
K 15	lafaz	14	70.0
K 16	syarat	14	70.0
K 17	temasya	14	70.0
K 18	khidmat	18	90.0
K 19	akhir	18	90.0
K 20	tarikh	18	90.0
K 21	ghairah	20	100.0
K 22	baligh	20	100.0
K 23	enak	13	65.0
K 24	geleng	14	70.0
K 25	kucup	10	50.0
K 26	orang	14	70.0
K 27	rosak	14	70.0
K 28	soto	17	85.0
<b>Jumlah</b>	<b>28</b>	<b>434</b>	<b>77.5</b>

Nota: K = Kesilapan

Jadual 1 tertera di atas memperlihatkan kekerapan dan peratusan kesilapan sebutan yang berlaku. Jumlah perkataan yang tidak dikuasai penyebutannya ialah 28. Perkataan-perkataan yang memiliki kekerapan kesilapan yang tinggi terdiri daripada kata-kata pinjaman, khususnya yang mengandungi fonem konsonan pinjaman. Berdasarkan Jadual 1 di atas, kekerapan kesilapan sebutan bagi kata *ghairah* dan *baligh* ialah 20 (100%). Ini diikuti oleh *tab*, *beg*, *khidmat*, *akhir* dan *tarikh* dengan 18 kekerapan (90.0%). Bagi kata *televisyen*, *video* dan *soto*, kekerapannya ialah 17 (85.0%). Kata-kata yang memiliki 16 kekerapan (80.0%) ialah kata *terhad*, *hafal*, *faktor*

dan *takrif*. Kata *zaman* dan *azam* memiliki 15 kekerapan (75%). Kata-kata bukan pinjaman boleh dikatakan memiliki kekerapan yang rendah, iaitu 14 ke bawah. Kata yang memiliki kekerapan yang paling rendah ialah kata *kucup* dengan 10 kekerapan (50%). Jumlah kekerapan kesilapan sebutan perkataan dalam ujian lisan secara keseluruhannya ialah 77.5%.

**Jadual 2** Kesilapan pemilihan dan pengabaian fonem.

Bil.	Variabel	Sebutan Pelajar	Sebutan BMS
K 1	tab	[tap]	[tab]
K 2	terhad	[terhat ]	[tərhad]
K 3	beg	[be?]	[beg]
K 4	mac	[mat]	[mač]
K 5	mesej	[meses]	[mesej̩]
K 6	hantu	[antu]	[hantu]
K 7	beritahu	[beritau]	[bəritahu]
K 8	faktor	[paktor]	[faktor]
K 9	hafal	[hapal]	[hafal]
K 10	takrif	[takrip]	[takrif]
K 11	televisyen	[telebisen]	[televišen]
K 12	video	[bideo]	[video]
K 13	zaman	[ʃaman]	[zaman]
K 14	azam	[aʃam]	[azam]
K 15	lafaz	[lapas]	[lafaz]
K 16	syarat	[sarət]	[šarat]
K 17	temasya	[temasa]	[təmaša]
K 18	khidmat	[hidmat]	[xidmat]
K 19	akhir	[ahir]	[axir]
K 20	tarikh	[tarih]	[tarix]
K 21	ghairah	[gairah]	[yairah]
K 22	baligh	[balig]	[baliy]
K 23	enak	[ina?]	[ena?]
K 24	geleng	[giləŋ]	[geleŋ]
K 25	kucup	[kučop]	[kučup]
K 26	orang	[uran]	[oran]
K 27	rosak	[rusa?]	[rosa?]
K 28	soto	[suto]	[soto]

Nota: K = Kesilapan

Jadual 2 di atas memperlihatkan kesilapan pemilihan dan pengabaian fonem hingga mengakibatkan kesilapan sebutan seluruh kata. Didapati berlaku salah pemilihan dalam penyebutan perkataan-perkataan yang terdapat dalam K1 hingga K28 (kecuali K6 dan K7) sehingga fonem-fonem yang tidak dikuasai telah digantikan dengan fonem-fonem yang hampir sama bunyinya. K6 dan K7 seperti dalam kata *hantu* dan *beritahu* yang berlaku ialah pengabaian fonem /h/ di tempat yang perlu.

**Jadual 3** Kesilapan fonem BMS.

Bil.	Variabel	Peratus
1.	Konsonan plosif bilabial bersuara /b/	90.0
2.	Konsonan plosif alveolar bersuara /d/	80.0
3.	Konsonan plosif velar bersuara /g/	0.0
4.	Konsonan afrikat palatal tak bersuara /č/	55.0
5.	Konsonan afrikat palatal bersuara /j/	65.0
6.	Konsonan frikatif glotis bersuara /h/	70.0
7.	Konsonan frikatif labio-dental tak bersuara /f/	80.0
8.	Konsonan frikatif labio-dental bersuara /v/	85.0
9.	Konsonan frikatif alveolar bersuara /z/	73.3
10.	Konsonan frikatif palatal tak bersuara /š/	70.0
11.	Konsonan frikatif velar tak bersuara /x/	90.0
12.	Konsonan frikatif velar bersuara /y/	100.0
13.	Vokal depan separuh tinggi /e/	67.5
14.	Vokal belakang tinggi /u	50.0
15.	Vokal belakang separuh tinggi /o/	75.0
<b>Jumlah</b>		<b>76.1</b>

Jadual 3 di atas memperlihatkan kesilapan fonem berdasarkan cara dan daerah artikulasi. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua sampel (100%) tidak menguasai fonem konsonan frikatif velar bersuara /y/. Ini diikuti oleh fonem konsonan plosif bilabial bersuara /b/, plosif velar bersuara /g/ dan frikatif velar tak bersuara /x/. Peratus kesilapan bagi ketiga-tiga fonem konsonan ini adalah sama, iaitu 90%. Jenis fonem yang memiliki peratus kesilapan yang paling rendah ialah fonem vokal belakang tinggi /u/ (50%). Secara keseluruhannya, peratus kesilapan bagi kesemua jenis fonem ini ialah 76.1%.

**Jadual 4** Kesilapan fonem konsonan asli, fonem konsonan pinjaman dan fonem vokal berdasarkan posisi dalam kata.

Bil.	Variabel	Peratus Kesilapan		
		Awal	Tengah	Akhir
1.	Fonem /b/	-	-	90.0
2.	Fonem /d/	-	-	80.0
3.	Fonem /g/	-	-	90.0
4.	Fonem /č/	-	-	55.0
5.	Fonem /j/	-	65.0	
6.	Fonem /h/	70.0	70.0	-
7.	Fonem /f/	80.0	80.0	80.0
8.	Fonem /v/	85.0	85.0	-
9.	Fonem /z/	75.0	75.0	70.0
10.	Fonem /š/	70.0	70.0	-
11.	Fonem /x/	90.0	90.0	90.0
12.	Fonem /y/	100.0	-	100.0
13.	Fonem /e/	65.0	70.0	-
14.	Fonem /u/	-	50.0	-
15.	Fonem /o/	70.0	70.0	85.0
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	<b>78.3</b>	<b>80.5</b>

Jadual 4 di atas memperlihatkan kesilapan fonem berdasarkan posisi dalam kata. Kesilapan sebutan bagi fonem /b, d, g, č, j/ berlaku pada posisi akhir sahaja. Fonem-fonem /h, v, š, e/ berlaku pada posisi awal dan tengah, manakala fonem /y/ berlaku pada posisi awal dan akhir. Fonem yang memiliki kesilapan pada semua posisi kata ialah fonem /f, z, x, o/. Kesilapan fonem /u/ hanya berlaku pada posisi tengah kata. Secara keseluruhannya, didapati peratus kesilapan pada posisi akhir lebih tinggi berbanding dengan peratus kesilapan pada posisi awal dan tengah. Peratus kesilapannya ialah 80.5%.

## KESIMPULAN

Analisis data yang dipaparkan di atas memperlihatkan kesilapan fonologi penutur natif BIbn dalam penguasaan BMS. Hasil penyelidikan mendedahkan bahawa murid-murid penutur natif BIbn dapat menguasai fonem-

fonem BMS yang terdapat dalam sistem fonologi mereka. Fonem-fonem itu ialah fonem-fonem konsonan asli seperti /p, t, k, ?, s, r, l, m, n, j, ɲ, w, y/ dan fonem vokal /ə, a, i/.

Hasil penyelidikan juga mendedahkan bahawa murid-murid penutur natif BIbn tidak dapat menguasai 15 fonem BMS, iaitu 12 fonem konsonan dan 3 fonem vokal. Kelima-lima belas fonem tersebut ialah /b, d, g, č, ġ, h, f, v, z, š, x, y, e, u, o/. Fonem konsonan pinjaman didapati amat sukar dikuasai dan kesilapan sebutan kerap berlaku hampir pada kesemua posisi kata. Ketidakhadiran fonem konsonan pinjaman dalam sistem fonologi BIbn telah mengakibatkan berlakunya penggantian fonem-fonem konsonan pinjaman dengan fonem-fonem lain, iaitu fonem-fonem yang hadir dalam sistem fonologi BIbn, khususnya yang kebanyakannya berkongsi daerah artikulasi.

Fonem konsonan asli yang tidak dikuasai penyebutan berlaku pada posisi akhir kata sahaja, kecuali fonem /h/ yang bermasalah pada posisi awal dan tengah kata. Mengikut sistem fonologi BIbn, fonem /b, d, g, č, ġ/ hadir pada posisi awal dan tengah kata sahaja dan tidak pernah hadir pada posisi akhir kata. Ketidakhadiran fonem /b, d, g, č, ġ/ dalam sistem fonologi BIbn pada posisi akhir kata telah membawa kepada pemindahan yang bersifat negatif dalam penyebutan perkataan-perkataan BMS yang mengandungi fonem-fonem ini pada posisi akhir kata. Pengabaian fonem /h/ pada posisi awal dan tengah kata juga berlaku kerana fonem /h/ dalam sistem fonologi BIbn hanya produktif pada posisi akhir kata (Asmah, 1981; Ismail, 1991). Kesukaran penyebutan fonem vokal juga didapati berlaku sebagai akibat ketidakhadiran fonem-fonem vokal pada posisi tertentu. Jadi berlakulah penggantian fonem-fonem vokal dengan fonem-fonem vokal yang hampir sama bunyinya.

Kesukaran penyebutan fonem-fonem BMS seperti yang dibincangkan di atas jelas menunjukkan bahawa berlakunya pemindahan fonologi B1 ke dalam fonologi B2. Pemindahan yang bersifat negatif tercusus sebagai akibat daripada ciri-ciri perbezaan yang dimiliki antara sistem fonologi BMS dengan sistem fonologi BIbn. Ciri-ciri persamaan yang dimiliki antara kedua-dua bahasa didapati tidak menimbulkan masalah dalam penguasaan fonologi BMS. Kesukaran penyebutan berlaku sebagai akibat ketidakhadiran fonem-fonem BMS ini dalam sistem fonologi BIbn dan juga ketidakhadirannya pada posisi tertentu dalam kata. Unsur-unsur ketidakhadiran ini menimbulkan gangguan kepada murid-murid penutur natif BIbn dalam penyebutan kata-kata BMS. Akibatnya berlakulah kelainan atau kesilapan sebutan.

Hasil penyelidikan terhadap 20 orang murid penutur natif B1bn mengimplikasikan bahawa hal yang sama akan dilakukan oleh penutur natif B1bn merentas usia. Teori pemindahan bahasa telah menunjukkan bahawa pemindahan B1 memang berlaku dalam kalangan penutur bukan natif dalam proses pembelajaran B2. Ketidaktekalan ciri-ciri pemindahan dimungkinkan oleh faktor-faktor di luar linguistik. Ketidaktekalan sebagai akibat daripada faktor geografis misalnya, telah dibuktikan oleh Norkhanizahwati (1998) yang antaranya menunjukkan bahawa bahasa Tutong variasi Kampong Tanjung Maya dan Kampong Lamunin memiliki persamaan dalam pengucapan sesuatu kata yang didahului oleh konsonan plosif bilabial bersuara [b] pada gugus konsonan pertama dan diikuti oleh konsonan plosif bilabial tidak bersuara [p] di tengah kata. Manakala bahasa Tutong variasi Kampong Keriam pula berbeza dengan kecenderungannya lebih kepada bunyi konsonan nasal bilabial [m] yang menempati konsonan plosif bilabial bersuara [b] pada gugus konsonan yang pertama di posisi tengah kata sebelum konsonan plosif tidak bersuara [p].

Berdasarkan teori pemindahan bahasa yang di dalamnya termasuk aspek fonologi, fenomena yang sama akan terjadi apabila penutur natif suatu bahasa mempelajari B2. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, fenomena yang sama akan terjadi apabila penutur natif bahasa Tutong, Dusun, Murut, Bisaya dan Belait mempelajari BMS. Walau bagaimanapun, darjah kesukaran dalam penguasaan fonologi bahasa sasaran akan berbeza-beza antara penutur natif suatu bahasa dengan penutur natif suatu bahasa yang lain, bergantung pada ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang dimiliki oleh sistem fonologi bahasa sasaran dengan sistem fonologi bahasa natif. Jika sistem fonologi B1 mempunyai darjah persamaan yang tinggi dengan B2, maka ini akan memudahkan proses pembelajaran sekali gus penguasaannya. Manakala unsur-unsur perbezaan yang dimiliki oleh sistem fonologi B1 dan B2 akan mengakibatkan berlakunya gangguan dalam pembelajaran B2. Begitu juga yang akan terjadi jika B1 dan B2 itu berkongsi persamaan dalam aspek-aspek linguistik yang lainnya.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Ali, "Aspek Fonologi dalam Penguasaan Bahasa Melayu Standard. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40:1, hlm. 32–37, Januari 1996.
- Asmah Hj. Omar, 1981. *The Iban Language of Sarawak*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Wan Chik, 1982. *Trend-trend Baru dalam Bidang Pendidikan Bahasa*.

- Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Corder, S.P., 1973. *Introducing Applied Linguistics*. Harmonds Worth:Penguin Education.
- Corder, S.P., 1974. "The Significance of Learners' errors" dlm. Richard, J.C. (ed.), *Error analysis*. London: Longman Group Limited.
- Dayangku Jauyah Pengiran Haji Damit, 1987. "Pengaruh dialek Melayu Brunei dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Baku Khusus dari Aspek Bacaan bagi Murid-murid Dwibahasa Enam". Latihan ilmiah Bachelor Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia.
- Dulay, H., Hurt, M. & Krashen, S., 1982. *Language Two*. New York: Oxford University Press.
- Ellis, N.C., "Sequencing in SLA: Phonological Memory, Chunking and Points Oforder" dlm. *Studies in Second Language Acquisition*, 18, hlm. 91–126, 1996.
- Fantini, A., 1985. *Language Acquisition of a Bilingual Child:A Sociolinguistic Perspective*. London: Short Run Press.
- Farid M. Onn, 1983. "Linguistik dan Pengajaran Bahasa Melayu:Satu Justifikasi Penerapan". Kertas kerja dalam Seminar Pengajian Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Singapura, Singapura, 24–25 April 1983.
- Ismail Jusoh, "Kajian Bandingan Fonologi Bahasa Melayu dan Iban" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35:2, hlm. 146–171, 1991.
- Jamali Ismail, "Pendedahan dan Pencapaian dalam Pembelajaran Bahasa dengan Rujukan Khas kepada Pembelajaran Bahasa Kedua" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35:11, hlm. 954–965, 1991.
- Jasmen Shah, 1987. "Pengaruh Bahasa Iban Ketika Menyebut Perkataan Bahasa Melayu Standard dalam Aspek Lisan dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes ke Atas Murid-murid Darjah Enam di Sekolah Rendah Rempayoh, Belait, Negara Brunei Darussalam". Latihan ilmiah Bachelor Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia.
- Krashen, S., 1981. *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford: Pergamon.
- Lado, R., 1964. *Language Teaching*. Bombay:Tata-McGraw-Hill.
- Long, M. H., "Maturational Constraints on Language Development" dlm. *Studies in Second Language Acquisition* 12, hlm. 251–285, 1990.
- Narayanan Kunchi Raman, "Kesalahan Bahasa dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 37:5, hlm. 457–465, 1993.
- Norissh, J., 1983. *Language Learners and Their Errors*. London: The Macmillan Press.
- Norkhanizah Wati Ahmad, 1998. "Beberapa Variasi Bunyi Gugus Konsonan pada Subdialek-Subdialek dalam Bahasa Tutong". Latihan ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera Pendidikan. Universiti Brunei Darussalam.

- Nunan, D., 1985. "First Language Learning and Second Language Acquisition" dlm. Downer, K., (ed.), *EAL/EAX501 Linguistics for Language Teachers 1: Resource Material*. Northern Territory University, hlm. 395–400, 1985.
- Pengiran Kahar Pengiran Metali, 1987. "*Pengaruh Sebutan Bahasa Tutong dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam*". Latihan ilmiah Bacelor Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia.
- Sadiyah Haji Abang, 2000. *An Analysis of L1 (Bahasa Melayu) Interference on L2 (English) Composition Writing among 'N' Level Students*. Med Thesis. Universiti Brunei Darussalam.
- Scovel, T., 1988. *A Time to Speak: A Psycholinguistic Inquiry into the Critical Period for Human Speech*. Cambridge, MA:Newbury House.
- Suthanthiradevi A/P J. N.J. Money, "Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Murid-murid India" dlm. *Jurnal Teknokrat II*, 2001.

**LAMPIRAN A**

Daftar Kata Ujian Sebutan Mengikut Fonem

Variabel	Posisi Awal	Posisi Tengah	Posisi Akhir
Fonem /p/	papan	lapar	wap
Fonem /b/	batu	habis	tab
Fonem /t/	tilam	batang	ketat
Fonem /d/	dagu	badan	terhad
Fonem /k/	kita	pakai	tolak
Fonem /g/	genap	logam	beg
Fonem /ʔ/	-	saat	kakak
Fonem /č/	cawat	dacing	mac
Fonem /j/	jawatan	kijang	mesej
Fonem /s/	sayang	rusa	asas
Fonem /h/	hantu	beritahu	sumpah
Fonem /r/	ramai	berat	besar
Fonem /l/	lari	bala	akal
Fonem /m/	makan	aman	dalam
Fonem /n/	nasi	nenas	pekan
Fonem /ŋ/	nyamuk	kenyang	-
Fonem /ɳ/	ngeri	bangun	bising
Fonem /w/	wang	awan	-
Fonem /y/	yatim	bayang	-
Fonem /f/	faktor	hafal	takrif
Fonem /v/	video	televisyen	-
Fonem /z/	zaman	azam	lafaz
Fonem /ʃ/	syarat	temasya	-
Fonem /x/	khidmat	akhir	tarikh
Fonem /ɣ/	ghairah	-	baligh
Fonem /i/	imbang	pintu	besi
Fonem /e/	enak	geleng	-
Fonem /a/	arah	santan	bunga
Fonem /ə/	emas	sesat	-
Fonem /u/	urat	kucup	pandu
Fonem /o/	orang	rosak	soto